

Relativiti Masa dan Hakikat Takdir

Harun Yahya

Pengenalan



*He is the Originator of the Heavens
and the Earth...
(Surat al-An'am: 101)*

Pemerhatian secara umum ke atas haluan sejarah mendedahkan bahawa semua golongan anti-agama mengasaskan falsafah mereka kepada pemikiran materialisme. Sebagaimana yang telah diketahui, materi golongan materialis menafikan fakta Penciptaan. Sebaliknya, mereka mempertahankan bahawa materi telah wujud tanpa keterbatasan masa dan akan tetap kekal sebagai sebagai satu entity mutlak selama-lamanya. Dalam perkataan lain, mereka

mendewakan materi. Materialisme dengan itu ditakrifkan oleh sumber materialis;

*Materialisme menerima keabadian dan kekekalan alam semesta (tanpa permulaan dan pengakhiran), iaitu tidak dicipta oleh Tuhan, dan adalah tidak terbatas di dalam masa dan ruang.*¹

Sebab mengapa materialisme terlalu mendewakan materi berpunca dari penafian mereka untuk mengakui kewujudan sang Pencipta. Sekiranya materi tidak mutlak maka ia pasti mempunyai permulaan: sekiranya ia mempunyai permulaan bermaksud ia telah diwujudkan dari tiada, iaitu ia dicipta.

Tidak mengejutkan, kesepakatan yang dicapai oleh dunia sains di akhir abad ke 19 mengesahkan bahawa materi bukanlah mutlak dan bahawasanya ia mempunyai permulaan; keseluruhan alam semestaberasal dari tiada dianggarkan 15 bilion tahun lalu melalui letupan sebuah titik dengan isipadu 'sifar' dan membentuk seperti yang ada sekarang dengan pengembangan sepanjang masa. Autentik fenomena ini yang dipanggil Big Bang, telah dibuktikan melalui beberapa pemerhatian yang kukuh dan eksperimen sepertimana juga pengiraan di dalam bidang fizik teori.

Hal terbaru yang diputuskan oleh sains hari ini mengesahkan fakta bahawa "alam semesta telah diciptakan dari tiada", seperti yang telah dikhabarkan di dalam Al-Qur'an dan semua agama-agama samawi. Sebagai tambahan, sains moden telah menolak materialisme dan menumpaskan mereka di dalam perjuangan yang mereka mulakan untuk menentang penciptaan.

Golongan materialis, akan tetapi, tidak dapat menerima kenyataan bahawa materi adalah diciptakan dan tidak mutlak, betapa sekalipun bertentangan dengan sains. Untuk menerima fakta ini mereka harus menerima kewujudan Allah, dan untuk beriman dengan Allah mereka harus menganut agama dan hidup secara beragama. Suatu yang secara asas digesa oleh agama ialah untuk patuh dan tunduk kepada Allah, dan ini adalah menjadi kesukaran bagi sesetengah orang yang dibutakan oleh kejahilan mereka. Di dalam Al-Qur'an, keadaan orang yang melarikan diri darihakikat kebenaran

disebabkan kejahilan mereka -sekalipun kebenaran terpampang jelas- diterangkan seperti berikut:

Dan mereka mengingkarinya kerana kezaliman dan kesombongan (mereka) padahal hari mereka meyakini (kebenaran). Maka perhatikanlah betapa kesudahan orang yang berbuat kebinasaan. Surah An-Naml:14.

Golongan materialis mempercayai bahawa masa sama seperti materi adalah mutlak: kedua-duanya wujud sejak azali dan akan kekal selama-lamanya. Kesetiaan terhadap anggapan yang salah ini, mereka cuba untuk menafikan takdir, hari kebangkitan, syurga dan neraka. Bagaimanapun, hari ini, sains moden telah membuktikan bahawa sama seperti materi, masa, yang timbul dari materi, juga telah diciptakan dari tiada, dan dengan itu ia juga mempunyai permulaan. Pada masa yang sama, masa adalah fahaman yang relatif, dan bukanlah static dan tidak berubah sebagaimana yang dipercayai sejak sekian lama oleh golongan materialis, dan bahawa ia adalah satu bentuk persepsi yang berubah juga telah dibuktikan di abad ini. Konsep relativiti masa dan ruang juga telah dibuktikan oleh Teori Relativiti Einstein dan fakta ini membentangkan asas fizik moden yang ada hari ini.



***What is in heavens and in the Earth belongs to Allah.
Allah encompasses all things.
(Surat an-Nisa', 126)***

Untuk meringkaskannya, masa dan ruang adalah dua konsep yang bukan mutlak, yang mempunyai permulaan dan telah diciptakan oleh Allah dari tiada. Allah, yang mencipta masa dan ruang, sudah pasti tidak terikat dengannya. Allah menakrif, menentukan dan mencipta setiap ketika di dalam masa di dalam masa-sifar. Ini adalah yang menjadi intipati hakikat 'takdir', yang gagal untuk difahami oleh golongan materialis.

Semua peristiwa-peristiwa yang telah dan yang akan dialami oleh kita, semuanya di dalam pengetahuan dan kekuasaan Allah, yang tidak terbelenggu oleh masa, dan yang mencipta masa dari tiada.

Hari ini, sains moden mengesahkan fakta yang telah dikhabarkan di dalam AL-Qur'an 1400 tahun lalu, yang amat diyakini oleh orang yang beriman. Ini menjadi saksi bahawa Al-Qur'an adalah kalam Allah. Di sudut lain, pemikiran materialis, yang menafikan kewujudan Allah dan fakta penciptaan untuk berabad lamanya, telah


pun ditolak di dalam setiap pelbagai bidang sains, sebuah disiplin yang sentiasa menjadi rujukannya dan yang menjadi tempat perlindungannya. Di dalam buku ini, kita akan menghasilkan bukti-bukti untuk menunjukkan bahwa dakwaan golongan materialis sebenarnya tidak mempunyai sebarang asas saintifik dan logik, dan sebaliknya, materialisme secara total telah dimusnahkan oleh bidang sains kontemporari. Subjek-subjek yang dibentangkan disini mengendungi bukti-bukti yang sangat penting mengenai intipati kebendaan dan sifat relatif masa dan ruang. Oleh hal yang demikian, kamu akan menemui beberapa fakta yang tidak pernah kamu fikir selama ini, dan akan memahami bahawa intipati kebendaan sebenarnya adalah amat berbeza dari apa yang dikemukakan oleh materialisme atau apa yang kamu fikirkan sebelum ini.

Nota Kaki

1. Materyalist Felsefe Sözlüğü, Sosyal Yayınlar, 4. Baskı, s. 326

Bab 1: Penciptaan Alam Semesta Dari Alam Tiada

Materialisme adalah satu pola pemikiran yang mendakwa materi sebagai satu entiti yang mutlak dan menafikan kewujudan lain selain dari material. Berasal dari zaman Greek Purba dan mendapat penerimaan masyarakat umum, khususnya di abad ke 19, dan menjadi masyhur dengan fahaman dialektik materialisme Karl Marx. Sistem pemikiran ini mendakwa bahawa kewujudan materi adalah mutlak dan akan tetap kekal wujud selamanya. Disebabkan dia mempertahankan bahawa materi bukanlah ciptaan, maka dia sekaligus menafikan kewujudan Pencipta.



The founder of dialectical materialism: Karl Marx

Seperti yang telah kita nyatakan, fahaman materialisme mulai popular khususnya pada abad ke 19. Satu dari sebab hal ini ialah model 'static universe' yang mana kemudiannya dikemukakan untuk menjawab persoalan 'bagaimana alam semesta wujud?'. Model ini

menjawab persoalan itu dengan menyatakan bahawa alam semesta bukanlah tercipta, tetapi ianya telah wujud sejak azali dan akan terus wujud selamanya. Alam semesta dianggap sebagai suatu koleksi material yang stabil, konstan dan tidak berubah, dan fahaman ini melaungkan bahawa alam semesta seperti ini tidak memerlukan kita mempercayai kepada seorang Pencipta.

Pengesahan kepada tentangan model alam semesta ini, iaitu penemuan bahawa alam semesta mempunyai permulaan dan ianya berubah, tidak mensangsikan kewujudan seorang Pencipta. Dalam bukunya "Principes Fondamentaux de Philosophie", ahli falsafah Georges Politzer materialis terkemuka telah mengakui fakta ini dalam penafiannya tentang konsep penciptaan yang berasaskan model 'alam semesta tanpa sempadan' (boundless universe);

Alam semesta bukanlah objek yang dicipta. Sekiranya ia dicipta, maka ia harus diciptakan secara serta merta oleh Tuhan dan mewujudkannya dari alam tiada. Untuk mengakui penciptaan, seorang harus mengakui, di tempat pertama, kewujudan suatu ketika di mana alam semesta tidak wujud, dan bahawa sesuatu wujud keluar dari ketiadaan. Ini adalah suatu yang tidak dapat diakui oleh sains. 2

Di akhir period yang bermula pada suku kedua abad ke 20, sains moden, telah membuktikan kenyataan yang diakui oleh golongan materialis ketika mereka mengakui; "sekiranya hal demikian, maka kita terpaksa untuk mengakui bahawa seorang Pencipta wujud", -iaitu, alam semesta mempunyai permulaan. Fakta ini telah didedahkan setelah melalui beberapa peringkat.

Pengembangan Alam Semesta




Edwin Hubble, next to his giant telescope.

Pada tahun 1920, di sebuah pusat pemerhatian Mount Wilson, California, seorang ahli astronomi berbangsa Amerika bernama Edwin Hubble telah membuat satu penemuan yang besar di dalam sejarah astronomi. Ketika membuat pemerhatian terhadap bintang-bintang melalui teleskop gergasnya, dia mendapati bahawa cahaya yang dipancarkan dari bebintang itu beralih kepada warna merah yang terletak di hujung spektrum cahaya dan bahawa peralihan ini semakin terang apabila bebintang itu semakin menjauhi bumi. Penemuan ini amat mengejutkan dunia sains ketika itu, kerana berdasarkan kepada hukum-hukum fizik yang diakui, spektrum cahaya yang bergerak menuju ke arah titik pemerhatian cenderung kepada warna ungu sementara spektrum cahaya ini akan cenderung berwarna merah ketika cahaya ini bergerak menjauhi titik pemerhatian itu. Ini bererti bahawa bintang-bintang itu secara konstan bergerak menjauhi kita.

Sebelum ini, Hubble telah membuat satu lagi penemuan penting; bebintang dan galaksi bergerak menjauhi bukan sahaja daripada kita (bumi), tetapi juga antara satu sama lain. Satu-satunya konklusi yang boleh diputuskan dari sebuah alam semesta di mana setiap sesuatu bergerak menjauhi sesama mereka ialah alam semesta itu

secara konstan 'berkembang'. Untuk menerangkannya, keadaan alam semesta ini sama seperti permukaan sebiji belon yang ditiup. Sama seperti titik-titik di permukaan sebiji belon bergerak menjauhi antara satu sama lain ketika belon itu mengembang, dan begitu jugalah objek-objek di dalam ruang angkasa juga bergerak menjauhi antara satu sama lain ketika alam semesta terus berkembang.



The universe came into being with the explosion of a single point of zero volume. And that shows that the universe had a beginning.

Sebenarnya, hal ini telah disingkap secara teoritikal lebih awal. Albert Einstein, menyimpulkan dari pengiraan yang membawanya untuk merumuskan Teori Relativiti pada tahun 1915, telah merumus bahawa alam semesta bukanlah statik. Terkejut dengan penemuan ini, Einstein telah menambah satu faktor yang dipanggil 'pemalar kosmologi' (cosmological constant) ke dalam persamaannya dengan sengaja untuk mengelakkan persamaan ini daripada menjadi satu kesimpulan. Kerana diyakinkan oleh ahli astronomi lain bahawa alam semesta adalah statik, dia tidak ingin teori ini bertentangan dengan model ini (universe static). Pandangan ini, yang mana kemudiannya ditolak oleh Einstein sendiri -yang diakui sebagai satu kesilapan paling besar di dalam kareernya- telah pun dibuang ke

dalam bakul sampah sejarah oleh penemuan-penemuan saintifik kontemporari.

Untuk pertama kali pada tahun 1922, saintis Russia Alexander Friedmann telah menemui berdasarkan Teori Relativiti bahawa alam semesta sebenarnya berubah dan bahawa sekalipun terdapat sedikit perubahan di dalamnya akan menyebabkan ia berkembang atau mengendur. Sementara Friedmann sampai kepada kesimpulan ini, dia juga membetulkan kesilapan (pemalar kosmologi) di dalam artikel Einstein yang bertarikh tahun 1917.

Orang pertama yang menggunakan solusi yang ditemui oleh Friedmann ini ialah seorang saintis kosmik berbangsa Belgium, Georges Lemaitre (1894-1966). Dengan bergantung kepada solusi-solusi ini, Lemaitre mempertahankan bahawa alam semesta mempunyai permulaan dan ianya secara konstan berkembang seterusnya. Sebagai tambahan, dia menyatakan bahawa sisa radiasi dari saat permulaan ini dapat dikesan. (radiasi ini, yang dinamakan Cosmic Radiation Background) akhirnya di kesan melalui pemerhatian.


Penemuan Big Bang


Kenyataan bahawa alam semesta berkembang mencadangkan satu model yang sangat berbeza dari model 'static universe' yang sebelum ini mengaut sambutan umum. Pengembangan alam semesta menyatakan bahawa, apabila mengembara kembali ke dalam masa, ruang cakerawala akan dibuktikan berasal dari satu titik tunggal.

Pengiraan menunjukkan bahawa 'titik tunggal' ini yang melabuhkan segala material alam semesta seharusnya mempunyai 'isipadu sifar' dan 'kepadatan tidak terhad' (infinite density). Alam semesta ini wujud melalui letupan titik tunggal ini dengan isipadu sifar. Letupan ini dinamakan 'Big Bang' dan teori ini dipanggil berdasarkan letupan ini.

Kamu akan merasa takjub bagaimana satu titik tanpa isipadu, iaitu, tanpa sebarang ruang, dan dengan kepadatan yang tidak terbatas

boleh wujud. Sebenarnya, 'satu titik tanpa isipadu dan kepadatan tanpa terhad' adalah satu bentuk ekspresi bersifat teori. Secara saintifik, satu titik yang diterangkan dengan memiliki 'isipadu sifar' adalah bermaksud satu titik tanpa sebarang isipadu. Sebenarnya, satu titik tanpa sebarang isipadu bermaksud bahawa ianya 'tidak wujud'. Oleh hal yang demikian, alam semesta diciptakan wujud dari alam tiada. Fakta ini membatalkan hipotesis materialisme iaitu 'alam semesta telah wujud tanpa permulaan'.





Distancing star

The spectra of an distancing star tend towards red

An observer who views the spectra of a distancing object will see that this become increasingly redder. Observations made from the earth have shown that the spectra of light beams of the galaxies and stars in the sky increasingly tend towards red. This means that heavenly bodies constantly move away from us. The discovery of this fact by observations made in the 1920's has proved that the universe has an expanding structure and that it originated in the Big Bang.

Percubaan 'Steady State'



Fred Hoyle

Ahli astronomi yang menganut falsafah materialisme menentang teori Big Bang ini dan mengemukakan pula teori 'steady state'. Punca kepada usaha ini telah di dedahkan di dalam kata-kata A.S Eddington, "secara falsafah, fahaman suatu permulaan yang mendadak kepada alam semulajadi yang ada hari ini adalah menjijikkan bagiku". 3

Ahli matematik dan astronomi terkemuka dunia Sir Fred Hoyle adalah salah seorang yang tidak senang dengan teori Big Bang. Di pertengahan abad itu, Hoyle melaungkan teori 'steady-state', yang serupa dengan konsep 'constant universe' di abad ke 19. Sekalipun dia menerima bahawa alam semesta berkembang, Hoyle mempertahankan bahawa alam semesta tidak terbatas dalam ukuran dan abadi dalam jangka hayat. Berdasarkan kepada model ini, sama seperti pengembangan alam semesta, materi secara mendadak wujud dengan sendiri dan terhad kepada takat yang diperlukannya. Dengan satu tujuan berpura-berpura untuk menyokong 'kewujudan mutlak material' -asas falsafah materialisme- teori ini (steady-state theory) secara total berbeza dengan teori 'Big Bang', yang menyokong bahawa alam semesta mempunyai permulaan.

Golongan yang mempertahankan teori steady-state menolak Big Bang untuk masa yang lama. Dunia sains, akan tetapi berterusan menentang mereka.

Bukti Baru Bagi Big Bang: Dataran Radiasi Kosmik (Cosmic Background Radiation)



George Gamov

Pada tahun 1948, George Gamov hadir dengan satu lagi pendapat berhubung dengan Big Bang. Dia menyatakan bahawa selepas pembentukan alam semesta melalui satu letupan yang besar, sisa radiasi yang tertinggal dari letupan ini seharusnya wujud di ruang alam semesta. Bahkan, radiasi ini seharusnya tersebar secara seragam di ruang cakerawala.

Bukti ini yang mana 'seharusnya wujud' akhirnya berjaya ditemui. Pada tahun 1965, dua orang pengkaji bernama Arno Penzias dan Robert Wilson telah menemui gelombang ini. Radiasi ini, yang dinamakan 'cosmic background radiation', sangat berbeza dari sebarang radiasi rawak yang datang dari arah-arrah khusus di angkasa lepas. Ianya suatu keseragaman yang luar biasa. Dalam perkataan lain, ianya tidak kelihatan seperti dipancarkan dari sumber tertentu akan tetapi diterap ke seluruh angkasa.

Akhirnya ia difahami bahawa gelombang haba 3 darjah Kelvin berbentuk sekata yang dipancarkan dari seluruh arah di angkasa adalah kesan dari saat pertama fenomena Big Bang. Bahkan, bentuk ini sangat hampir serupa dengan bentuk yang telah diramalkan oleh ahli saintis. Sekalipun mereka hanya mampu untuk membuat pengiraan hanya pada panjang gelombang (gelombang mikro), Penzias dan Wilson telah dianugerahkan Hadiah Nobel kerana menjadi orang pertama yang menunjukkan bukti asal Big Bang ini melalui eksperimen.



Data obtained from George Smoot's COBE satellite enabled the Big Bang Theory to be irrefutably confirmed.

Pada tahun 1989, George Smoot dan kumpulan NASA yang diketuainya telah menghantar kapal Cosmic Background Radiation Discovery Satellite (COBE) ke luar angkasa untuk menyelidik radiasi dataran kosmik. Ia hanya mengambil masa selama 8 minit untuk pengesanan sensitif di satelit ini mengesahkan pengiraan yang dibuat oleh Penzias dan Wilson. Pengesanan ini secara tepat mengesahkan kesan letupan Big Bang yang telah terjadi pada permulaan pembentukan alam cakerawala.

Dianggap sebagai penemuan astronomi paling hebat sepanjang masa, penemuan ini tidak berakhir di sini. Ketika COBE1 dapat mengesan maklumat mengenai suhu pada titik tertentu di angkasa, COBE 2 pula di teruskan, dengan menemui bahawa di sana terdapat satu perbezaan suhu di antara dua titik di ruang angkasa. Ini menunjukkan bahawa haba yang dihasilkan setelah proses Big Bang semakin menyusut. Setelah kejadian ini, banyak saintis menjolokkan kejayaan COBE sebagai 'pengesahan luarbiasa Big Bang'.

Bukti Selanjutnya: Pemusatan Hidrogen-Helium




Eta Carinae star is destroyed by a supernova explosion. This and similar explosions always cause disorder. However, the Big Bang, known as the most drastic explosion ever to have taken place, has given way to a space based on extremely precise balances and all the systems therein. This extraordinary balance and order can by no means be explained away by coincidences and it all proves yet again that the entire universe has been created by an exalted and mighty Creator Who is Allah.

Satu lagi bukti penting Big Bang ialah jumlah hidrogen dan helium di ruang angkasa. Berdasarkan pengiraan terbaru, ianya diketahui

bahawa pemusatan hidrogen-helium di alam semesta bersamaan dengan pengiraan secara teori pemusatan hidrogen-helium yang terhasil selepas Big Bang.

Seperti yang diketahui umum, bintang-bintang menghasilkan tenaga dengan menukarkan kandungan hidrogennya kepada helium melalui tindak balas nuklear (pelakuran nuklear). Sekiranya alam semesta tidak mempunyai permulaan dan sekiranya ianya wujud tanpa permulaan, maka semua hidrogen yang terdapat di bintang-bintang telah pun habis digunakan dan telah bertukar kepada helium. Akan tetapi, fakta bahawa gas hidrogen di (teras) bintang-bintang belum lagi habis digunakan dan bahawa bebintang masih terus menghasilkan tenaga dengan menukarkan secara berterusan gas ini kepada helium adalah bukti penting bahawa alam semesta bukanlah kekal dan sebenarnya ia mempunyai permulaan.

Kejayaan Big Bang



Semua bukti-bukti ini memaksa teori Big Bang untuk di percayai oleh masyarakat saintifik. Model Big Bang adalah kedudukan terakhir yang dicapai oleh sains dalam pembentukan dan permulaan cakerawala. Bersama-sama dengan Fred Hoyle mempertahankan teori steady-state untuk beberapa tahun, Dennis Sciama menerangkan kedudukan terakhir yang dicapai mereka

setelah semua bukti bagi teori Big Bang ditemui. Sciama menyatakan bahawa dia menyertai perdebatan hangat di antara penyokong teori steady-state dan orang yang menguji teori ini dengan harapan mampu menolaknya. Dia menambah bahawa dia mempertahankan teori steady-state bukanlah kerana ia kelihatan seperti benar, tetapi kerana dia berharap ianya menjadi benar. Fred Hoyle berdiri menentang semua tentangan-tentangan ketika mana bukti-bukti menentang teori ini telah tersingkap. Sciama pergi jauh mengatakan bahawa dia permulaannya menyokong Hoyle tetapi, ketika bukti-bukti yang ada telah terkumpul, dia terpaksa untuk mengakui bahawa permainan telah tamat dan bahawa teori steady-state harus disingkirkan.⁴

Prof. George Abel dari Universiti California juga menyatakan bahawa bukti yang ada hari ini mendedahkan bahawa alam semesta telah wujud berbilion tahun lalu melalui proses Big Bang. Dia mengakui bahawa dia tidak punya pilihan lain selain untuk menerima teori Big Bang.⁵

Dengan kejayaan Big Bang, konsep 'keabadian material' yang mendasari falsafah materialisme telah dilontarkan ke dalam timbunan sampah sejarah. Kemudian, apakah yang wujud sebelum Big Bang dan apakah kuasa yang membawa alam semesta kepada 'kewujudan' bersama-sama dengan letupan ini ketika ia masih berada dalam 'ketiadaan'. Soalan ini sudah pastinya menunjukkan, dalam kata-kata Arthur Eddington, suatu fakta yang 'tidak menguntungkan secara falsafah', iaitu, hakikat kewujudan Maha Pencipta. Seorang ahli falsafah terkemuka ateis Antony Flew menawarkan komennya berkenaan isu ini;

Terkenal, pengakuan adalah baik untuk jiwa. Dengan itu saya akan bermula dengan mengakui bahawa ateis Strato telah diaibkan dengan ijmak kosmologi kontemporari. Kerana ia kelihatan bahawa ahli kosmologi menyediakan bukti saintifik terhadap apa yang telah diputuskan oleh St Thomas yang tidak dapat dibuktikan melalui falsafah; iaitu bahawa alam semesta mempunyai permulaan. Sudah lama alam semesta dianggap sebagai satu kewujudan tanpa pengakhiran, tetapi juga tanpa permulaan. Ianya tetap mudah untuk

*mendesak bahawa kewujudannya dan apa saja yang ditemui yang menjadi ciri-ciri dasarnya seharusnya diterima sabagai satu penjelasan yang mutlak. Walau bagaimanapun, saya percaya bahawa ianya tetap sentiasa benar dan sudah pasti tidak mudah dan tidak selesa untuk mempertahankan kedudukan ini ketika bersemuka dengan Big Bang.*⁶

Kebanyakan saintis yang tidak secara membuta menghindarkan diri mereka dari ateis telah mengakui peranan Pencipta maha besar di dalam penciptaan alam semesta. Sang Pencipta ini semestinya suatu zat yang mencipta materi dan masa, akan tetapi bebas dari keduanya.

*Roger Penrose, seorang ahli fizik yang telah melakukan kajian ekstensif berkaitan dengan asal usul alam semesta juga telah menyatakan bahawa cakerawala tidak lah terletak hanya sekadar kebetulan, dan hal ini menunjukkan ianya sudah pasti mempunyai suatu tujuan. Bagi sesetengah orang, 'alam semesta adalah sedemikian rupa', dan ianya wujud seadanya. Kita hanya wujud semata untuk meneruskan kehidupan di celah-celah ruang segalanya. Worldview seperti ini tidak akan dapat membantu kita untuk memahami alam semesta. Berdasarkan kepada pandangan Penrose, di sana terdapat banyak hal yang bekerja di dalam alam semesta yang kewujudannya tidak dapat kita fahami hari ini.*⁷

Fakta Yang Dinyatakan Di Dalam Al-Qur'an 14 Abad Lalu



We are so peaceful on the Earth where we live that we never realize we exist on a tiny planet moving at thousands of kilometers an hour in a boundless, airless cavity. The fact to be kept in mind, however, is that Earth is a special shelter created for man so that he may live thereon.

Untuk meringkaskannya, konklusi yang jelas yang dicapai di dalam bidang astrofizik ialah bahawa keseluruhan alam semesta, bersama-sama dengan materi dan dimensi masanya, hadir untuk wujud di masa sifar bersama dengan satu letupan besar (Big Bang). Sebelum Big Bang, di sana tidak terdapat suatu apa seperti masa. Materi, tenaga, dan masa wujud dari suatu keadaan ketiadaan di mana bukan materi atau pun tenaga atau pun masa yang wujud, peristiwa ini dapat diterangkan hanya secara metafizik. Akan tetapi, hakikat yang hebat yang ditemui oleh fizik moden ini yang baru diketahui di akhir abad ini telah pun dinyatakan kepada kita di dalam Al-Qur'an 14 abad lamanya.

(Dialah) Pencipta langit dan bumi. Surah Al-An'aam; 101.

Teori Big Bang menunjukkan bahawa, pada permulaan, semua objek di dalam alam semesta berada di dalam satu bahagian dan kemudian

terpisah. Fakta ini, yang diandaikan oleh teori Big Bang telah pun dinyatakan di dalam Al-Qur'an 14 abad lamanya, ketika mana umat manusia hanya memiliki pengetahuan yang terhad mengenai alam semesta;

Dan apakah orang-orang yang kafir itu tidak mengetahui sesungguhnya langit dan bumi itu keduanya dahulu adalah suatu yang padu, kemudian Kami pisahkan keduanya. Dan daripada air Kami jadikan segala sesuatu yang hidup. Maka mengapakah mereka tidak juga beriman?. Surah al-Anbiya; 30.

Seperti yang dinyatakan pada permulaan bab ini, pengembangan alam semesta adalah satu bukti yang penting bahawa alam semesta telah diciptakan dari tiada. Sekalipun fakta ini, yang telah pun wujud sejak alam semesta diciptakan, masih gagl untuk diketahui oleh dunia sains moden sehinggalah di abad ke 20 ini, Allah memaklumkan kita mengenai hakikat ini di dalam Al-Qur'an yang diwahyukan 1400 tahun lalu;

Dan langit Kami bangunkan dengan kekuasaan Kami, dan sesungguhnya Kami meluaskannya. Surah az-Zariyat;47.

Letupan Yang Menghasilkan Peraturan

Hakikatnya, Big Bang menyebabkan masalah yang lebih besar kepada golongan ateis dan materialis (kedua-dua istilah ini adalah sama), dari pengakuan di atas yang dibuat oleh ahli falsafah ateis Antony Flew. Big Bang membuktikan bukan sahaja alam semesta sebenarnya diciptakan dari tiada, tetapi juga diciptakan di dalam perancangan yang amat rapi, sistematik dan cara yang terkawal.

Kesempurnaan peraturan yang timbul selepas Big Bang, yang merupakan satu letupan, bagaimanapun seharusnya tidak

menghasilkan suatu ketertiban. Semua letupan-letupan yang diperhatikan sering membahayakan, menyebabkan huru-hara, dan kemusnahan. Sebagai contoh, letupan bom atom dan hidrogen, letupan api, gunung berapi, gas semulajadi dan solar semuanya ini mempunyai kesan kemusnahan.

Akan tetapi, sekiranya kita diperlihatkan kepada suatu susunan yang amat rapi yang mengekori suatu letupan, maka kita pasti akan menyimpulkan bahawa di sana ada suatu campurtangan kuasa 'supernatural' di sebalik letupan ini dan bahawa semua serpihan yang bertebaran digerakkan dengan cara yang terkawal.

Kenyataan berikut yang dibuat oleh Sir Fred Hoyle, yang mengakui kesilapannya selepas beberapa tahun berjuang menentang teori Big Bang, menerangkan situasi ini dengan jelas;

*Teori Big Bang menyatakan bahawa alam semesta bermula dengan suatu letupan tunggal. Tetapi, letupan hanyalah sekadar memisahkan materi, manakala Big Bang secara misteri menghasilkan suatu kesan yang bertentangan -dengan pembungkusan materi bersama-sama di dalam bentuk galaksi.*⁸

Ketika menyatakan bahawa cara Big Bang yang menghasilkan suatu susunan yang bertentangan, dia mentafsirkan Big Bang dengan menyebelahi materialis dan menganggap bahawa ini adalah suatu 'letupan yang tidak dikawal'. Hakikatnya, bagaimanapun, dia menentang dirinya sendiri dengan membuat kenyataan seperti ini dengan tujuan untuk menyingkirkan kewujudan pencipta, Allah s.w.t. Sekiranya suatu susunan yang rapi timbul sebagai hasil suatu letupan, maka konsep 'letupan tidak dikawal' mesti ditolak dan ianya mesti diterima bahawa letupan ini secara luar biasa dikendalikan.

Susunan ini juga benar bagi semua peristiwa-peristiwa selepas Big Bang. Material yang timbul bersama Big Bang adalah dalam bentuk partikel yang kita panggil 'partikel atom'. Tetapi ini semua - seperti yang dinyatakan oleh Hoyle, secara 'misteri' wujud bersama-sama dan membentuk atom-atom di setiap ruang dan di setiap bahagian alam semesta. Tergubah menjadi susunan yang hebat, semua atom ini kemudian membentuk galaksi-galaksi dengan melonggok di

bahagian-bahagian tertentu di ruang semesta. Dalam galaksi-galaksi, bintang galaksi ini membentuk bintang-bintang, dan di sekeliling bebintang ini, sistem bintang dan planet pula wujud. Semua jasad-jasad cakerawala ini terbentuk dengan secara luar biasa. Sekiranya kita memikirkan bahawa di sana lebih kurang 300 bilion galaksi di dalam alam semesta, dan 300 bilion bebintang di dalam setiap satu galaksi ini, kita dapat memahami dengan baik ukuran persoalan keluarbiasaan susunan dan keseimbangan ini.

Keseimbangan Yang Sempurna

Satu lagi aspek susunan yang menakjubkan yang terbentuk di alam semesta yang terhasil dari fenomena Big Bang ialah penciptaan suatu 'alam semesta yang selamat dihuni'. Syarat-syarat bagi pembentukan suatu planet yang selamat dihuni adalah banyak dan terlalu kompleks yang memustahilkan untuk membuat tanggapan bahawa pembentukan ini adalah sekadar kebetulan.

Paul Davies, seorang profesor terkemuka dalam bidang teori fizik, telah membuat pengiraan bagaimana 'keseimbangan' langkah pengembangan selepas Big Bang, dan dia telah mencapai satu kesimpulan yang menakjubkan. Menurut Davies, sekiranya kadar pengembangan alam semesta selepas Big Bang mempunyai nisbah yang kurang, sekali pun satu dari satu bilion darab dengan satu bilion, tidak ada sejenis bintang yang selamat dihuni akan terbentuk;

Pengiraan yang teliti meletakkan kadar pengembangan amat hampir kepada nilai kritikal di antara alam semesta akan kehilangan gravitinya atau akan terus berkembang. Sedikit perlahan maka kosmos akan roboh, sedikit laju maka material kosmik akan bertebaran lebih jauh. Ianya amat menarik untuk bertanya secara tepat bagaimana getirnya kadar pengembangan begitu 'amat seimbang' untuk jatuh ke dalam satu garis pemisah di antara dua kemusnahan. Sekiranya pada masa $1 S$ (yang mana masa jenis pengembangan telah diiktiraf kukuh) kadar pengembangan berbeza dari nilai sebenarnya melebihi 10-18, ia akan mencukupi untuk melontarkan keseimbangan yang teliti ini. Letupan alam

*semesta yang bertenaga dengan itu berpadanan dengan ketepatan yang hampir sukar untuk dipercayai kepada kuasa penggravitiannya. Big bang bukanlah, secara pembuktian, sebarang letupan usang, tetapi letupan yang dengan indah mengatur magnitud.*⁹

Keseimbangan yang menakjubkan di dalam alam semesta dengan ini diterangkan dalam sebuah majalah saintifik;

*Sekiranya kepadatan materi alam semesta terlebih sedikit, maka alam semesta ini, berdasarkan kepada teori relativiti Einstein, akan tidak berkembang disebabkan daya tarikan partikel atom, dan akan roboh semula kepada satu titik. Sekiranya kepadatan pada permulaannya sedikit kurang, maka alam semesta akan berkembang pada kelajuan yang lebih tinggi, dan partikel atom akan gagal untuk terikat dan bertaup antara satu sama lain dan bebintang dan galaksi tidak selamanya akan terbentuk. Secara semulajadi, kita juga tidak akan wujud!! . Berdasarkan kepada pengiraan yang dibuat, perbezaan di antara kepadatan sebenar yang pertama alam semesta dan kepadatan kritikal di balik yang mana di sana tidak ada keserupaan pembentukannya adalah kurang dari satu suku juta yang keseratus. Ini sama seperti meletakkan sebatang pen di hujung matanya dan ia akan tegak berdiri sekalipun setelah satu bilion tahun. Bahkan, keseimbangan ini semakin halus sewaktu alam semesta berkembang.*¹⁰

Ahli fizik terkemuka Prof. Stephen Hawking menyatakan hal ini mengenai keseimbangan di dalam kelajuan pengembangan di dalam bukunya A Brief History of Time:

*Sekiranya kadar pengembangan satu saat setelah Big Bang menjadi lebih kecil sekali pun satu bahagian dari satu ratus ribu juta juta, alam semesta pasti akan roboh sebelum ia mencapai saiz yang ada sekarang.*¹¹

Sebagai sambutan terhadap subjek yang menarik ini, Paul Davies menyatakan:

Ianya amat sukar untuk menentang keindahan bahawa struktur alam semesta yang ada hari ini, secara jelas terlalu sensitif terhadap sebarang perubahan kecil, terlalu berhati-hati untuk

dihasilkan seolah-olah keselarasan keajaiban nilai-nilai numerik yang ditetapkan oleh alam kepada pemalar dasarnya semestinya kekal sebagai bukti yang paling mendesak kepada satu unsur rekaan kosmik.¹²

Dalam perkaitan dengan set fakta-fakta yang sama, seorang professor Astronomi berbangsa Amerika, George Greenstein menulis dalam bukunya *The Symbiotic Universe*:

Setelah kita perhatikan semua bukti ini, akal berada dalam keadaan mendesak yang timbul bahawa suatu agen luarbiasa - atau, Agen-semestinya terlibat sama. (dalam pembentukan alam semesta).¹³

Kita pasti akan menyimpulkan, apabila kita mengkaji kehebatan sistem yang terdapat di alam semesta, bahawa kewujudan alam semesta dan cara berfungsinya yang amat seimbang rapi dan sebuah susunan yang amat kompleks untuk diterangkan dengan kuasa kebetulan. Sebagai bukti, ianya tidak mungkin bagi keseimbangan dan peraturan (hukum alam) ini untuk terbentuk dengan sendirinya dan dengan kebetulan setelah satu letupan besar. Pembentukan peraturan alam seperti ini yang menyertai satu letupan seperti Big Bang hanya mungkin terjadi sebagai suatu hasil campurtangan yang sedar di setiap peringkat. Ini adalah penciptan Allah, yang mencipta alam semesta dari ketiadaan dan yang mengawal dan menjaganya pada setiap saat.

Kehancuran Materialisme



Modern science proves the reality of the creation of the universe by Allah, contrary to what outdated materialists philosophy maintains. Newsweek made "Science Finds God" the cover story of its July 27th 1998 issue.

Semua fakta-fakta ini menunjukkan bahawa dakwaan falsafah golongan materialis yang merupakan dogma abad ke 19 telah dibatalkan oleh sains abad ke 20. Dengan menganggap bahawa setiap sesuatu hanyalah kandungan materi semata, materialisme telah membuat kesilapan besar dengan menafikan kewujudan maha Pencipta yang telah menciptakan zat-zat materi dan mentadbirnya. dengan mendedahkan perancangan yang agung, rekaan dan peraturan yang terdapat di dalam sfera material, sains moden telah membuktikan kewujudan maha Pencipta yang mentadbir sfera material bumi, iaitu Allah. Kehebatan rekaan yang kita temui di dalam alam semesta juga wujud di dalam dunia makhluk hidupan, membawa teori evolusi Darwin yang merupakan penyokong paling kuat materialisme dimusnahkan.

Materialisme yang telah memporak perandakan sebilangan besar umat manusia untuk beberapa abad lamanya, bersembunyi di balik topeng 'sains' di abad ke 19. Akan tetapi, di abad ke 21 ini, ia akan dikenang sebagai suatu kepercayaan khurafat yang bertentangan

dengan sains. Umat manusia membahayakan dirinya sendiri disebabkan kepercayaan khurafat seperti ini sama seperti dunia yang berada di hujung tanduk lembu, atau ianya akan musnah, dan begitu juga akan halnya yang disebabkan oleh materialisme.

Nota Kaki

2. George Politzer, *Principles Fondamentaux de Philosophie*, Editions Sociales, Paris, 1954, pp.62-63
3. S. Jaki, *Cosmos and Creator*, Chicago: Regnery Gateway, 1980, p.54
4. Stephen Hawking's *A Brief History of Time: A Reader's Companion* (edited by Stephen Hawking ; prepared by Gene Stone.), New York, Bantam Books, 1982, p. 62-63
5. George O. Abel, *Exploration of the Universe*, Holt Rinehart and Winston, 1975, pp. 665-667
6. Henry Margenau and Roy Abraham Varghese, eds., *Cosmos*, Bios, Theos, La Salle, IL: Open Court Publishing, 1992 p. 241
7. Stephen Hawking's *A Brief History of Time: A Reader's Companion* (edited by Stephen Hawking; prepared by Gene Stone.), New York, Bantam Books, 1982, p. 143
8. W.R. Bird, *The Origin of Species Revisited*, Nashville: Thomas Nelson, 1991; originally published by Philosophical Library in 1987, p. 462
9. W.R. Bird, *The Origin of Species Revisited*, Nashville: Thomas Nelson, 1991; originally published by Philosophical Library in 1987, p. 405-406 105
10. *Bilim ve Teknik* magazine, vol. 201, p. 16
11. Stephen W. Hawking, *A Brief History of Time*, Bantam Books, April 1988, p. 121

12. Paul Davies, *God and the New Physics*, New York: Simon & Schuster, 1983, p. 189

13. Hugh Ross, Ph.D., *The Creator and the Cosmos*, Navpress, 1995, p. 76

Bab 2: Intipati Sebenarnya Kebendaan

Sesiapa yang merenungi alam sekelilingnya dengan penuh kesedaran dan kebijaksanaan akan menyedari bahawa setiap benda di dunia ini -yang hidup atau tidak hidup- pasti telah dijadikan. Jadi persoalannya ialah "siapakah menjadikan semua benda ini?"

Adalah satu bukti bahawa 'Fakta Penciptaan', yang mendedahkan dirinya dalam setiap aspek kehidupan, tidak mungkin dapat muncul dengan sendirinya. Sebagai contoh, seekor kumbang tidak mungkin dapat mencipta dirinya sendiri. Sistem solar tidak mungkin dapat menjadikan dan menguruskan dirinya. Begitu juga dengan tumbuh-tumbuhan, manusia, bakteria, erythrocytes (butir darah merah), atau rama-rama tidak mungkin dapat menjadikan diri mereka sendiri. Kemungkinan semuanya ini telah terbentuk "secara kebetulan" adalah sesuatu yang tidak masuk akal.

Kita akhirnya sampai kepada konklusi berikut: setiap apa yang kita lihat telah di jadikan . Tetapi semua yang kita lihat tidak dapat menjadi "pencipta" kepada dirinya. Pencipta adalah berbeza dan lebih tinggi daripada apa yang kita lihat dengan mata kita, satu kuasa teragung yang tidak dapat dilihat tetapi kewujudan dan kesannya dapat kita rasai pada setiap benda yang wujud.

Pada ketika inilah mereka yang menafikan kewujudan Allah menjadi ragu-ragu. Mereka mensyaratkan tidak akan mempercayai kewujudan-Nya melainkan sekiranya mereka dapat melihatNya dengan mata mereka sendiri. Golongan ini yang mengetepikan hakikat "kejadian", terpaksa menolak kebenaran "kejadian" yang jelas yang terdapat di alam semesta ini dan membuktikan bahawa alam semesta dan semua benda hidup di dalamnya tidak dijadikan. Teori evolusi merupakan satu contoh usaha sia-sia mereka ini.

Asas kesilapan mereka yang menafikan kewujudan Allah telah dikongsi bersama oleh ramai orang yang hakikatnya tidak menolak kewujudan Allah tetapi mempunyai persepsi yang salah terhadapNya. Mereka tidak menolak penciptaan, tetapi mempunyai

kepercayaan karut terhadap di mana Allah berada. Kebanyakan mereka beranggapan bahawa Allah berada di atas "langit". Mereka membayangkan bahawa Allah berada di sebalik sebuah planet yang amat jauh dan sesekali terganggu dengan "perkara-perkara duniawi". Atau mungkin dia tidak langsung terganggu; Dia menjadikan alam semesta dan kemudian meninggalkannya sendiri dan manusia dibiarkan untuk berhadapan dengan takdir mereka sendiri.

Walaupun sesetengah mereka pernah mendengar bahawa di dalam Al-Qur'an telah tertulis bahawa Allah berada "di mana-mana", tetapi mereka tidak dapat mentafsirkan maksudnya yang sebenar. Mereka beranggapan Allah berada di sekeliling seperti gelombang radio atau seperti gas yang tidak dapat dilihat.

Bagaimanapun, fahaman dan kepercayaan yang tidak dapat menjelaskan di mana Allah berada (dan mungkin kerana itu mereka menafikannya), semuanya berasaskan kepada satu kesilapan yang sama. Mereka berpegang kepada satu prejudis tanpa sebarang asas dan kemudian membawa kepada pandangan yang menyeleweng terhadap Allah. Apakah prejudis ini?

Prejudis ini berkaitan dengan natural dan ciri-ciri kebendaan. Kita terlalu dilazimkan dengan andaian terhadap kewujudan benda sehinggakan kita tidak pernah terfikir samada ia benar-benar wujud atau pun hanya sekadar bayangan. Sains moden telah memusnahkan prejudis ini dan telah mendedahkan realiti yang sangat penting dan diperlukan. Di dalam helaian berikutnya, kami akan cuba menjelaskan realiti hebat ini sebagaimana yang dijelaskan oleh Al-Qur'an.

Dunia Isyarat Elektrik



Stimulations coming from an object are converted into electrical signals and cause an effect in the brain. When we "see", we in fact view the effects of these electrical signals in our mind.

Segala maklumat yang kita terima tentang dunia ini telah dihantar kepada kita melalui lima pancaindera. Dunia yang kita kenali adalah bergantung kepada apa yang mata kita lihat, tangan kita yang menyentuh, hidung kita yang menghidu, lidah kita yang merasa, dan telinga kita yang mendengar. Kita tidak pernah terfikir bahawa dunia "luar" adalah berbeza daripada apa yang disampaikan oleh pancaindera kepada kita, memandangkan kita hanya bergantung kepada pancaindera ini semenjak kita dilahirkan.

Oleh itu, kurun ke -21 akan menjadi suatu 'turning-point' apabila manusia akan dapat memahami realiti-realiti ketuhanan dan terarah untuk menuju kepada Allah, satu-satunya Kewujudan . Pada abad ke -21 ini, ialah untuk pegangan materialistik abad ke-19 ditolak ke dalam tong sampah sejarah. Kewujudan dan ciptaan Allah akan dapat dicapai, fakta-fakta seperti ruang kosong dan masa sifar akan dapat difahami, manusia akan membebaskan diri mereka daripada kelubung kekunoan, penipuan dan khurafat yang mengelilingi mereka.

Adalah mustahil untuk hala tuju ini disekat oleh sebarang kewujudan bayangan.

Nota Kaki

1Frederick Vester, Denken, Lernen, Vergessen, vga, 1978, p.6

- 2 George Politzer, Principes Fondamentaux de Philosophie, Editions Sociales, Paris 1954, pp.38-39-44
- 3 R.L.Gregory, Eye and Brain: The Psychology of Seeing, Oxford University Press Inc. New York, 1990, p.9
- 4 Lincoln Barnett, The Universe and Dr.Einstein, William Sloane Associate, New York, 1948, p.20
- 5 Orhan Hançerliođlu, Dűpűnce Tarihi (The History of Thought), Istanbul: Remzi Bookstore, 6.ed., September 1995, p.447
- 6 V.I.Lenin, Materialism and Empirio-criticism, Progress Publishers, Moscow, 1970, p.14
- 7 Bertrand Russell, ABC of Relativity, George Allen and Unwin, London, 1964, pp.161-162
- 8 R.L.Gregory, Eye and Brain: The Psychology of Seeing, Oxford University Press Inc. New York, 1990, p.9
- 9 Karl Pribram, David Bohm, Marilyn Ferguson, Fritjof Capra, Holografik Evren 1(Holographic Universe 1), translated by Ali Çakýrođlu, Kuraldýpý Publishing, Istanbul: 1996, p37
- 10 George Politzer, Principes Fondamentaux de Philosophie, Editions Sociales, Paris 1954, p.53
- 11 Orhan Hançerliođlu, Dűpűnce Tarihi (The History of Thought), Istanbul: Remzi Bookstore, 6.ed., September 1995, p.261
- 12 George Politzer, Principes Fondamentaux de Philosophie, Editions Sociales, Paris 1954, p.65
- 14 Rennan Pekűnlű, "Aldatmacanýn Evrimsizliđi", (Non-Evolution of Deceit) Bilim ve Űtopya, December 1998 (V.I.Lenin, Materialism and Empirio-criticism, Progress Publishers, Moscow, 1970, pp.334-335)

15 Alaettin Penel, "Evrin Aldatmacasý mý?, Devrin Aldatmacasý mý?", (Evolution Deceit or Deceit of the Epoch?) Bilim ve Ütopya, December 1998

16 Imam Rabbani Hz. Mektuplarý (Letters of Rabbani), Vol.II, 357. Letter, p.163

17 Imam Rabbani Hz. Mektuplarý (Letters of Rabbani), Vol.II, 470. Letter, p.1432

Bab 3: Relativiti Masa dan Hakikat Takdir

Semua yang telah diterangkan di atas menunjukkan sebuah "ruang tiga-dimensi" sebenarnya adalah tidak wujud, ia hanyalah prejudis yang diinspirasi oleh persepsi-persepsi dan manusia menjalani kehidupannya di dalam "ruang kosong". Untuk mendakwa sebaliknya adalah bertentangan dengan sebab musabab dan kebenaran sains, kerana tidak ada bukti kewujudan sebuah dunia material tiga-dimensi yang sah.

Fakta ini telah membatalkan dakwaan asas falsafah materialis yang mendasari teori evolusi. Ia adalah dakwaan yang menyatakan bahawa kebendaan adalah mutlak dan abadi. Dakwaan kedua yang dipegang oleh falsafah materialis ini ialah bahawa masa adalah mutlak dan kekal. Ini juga merupakan kepercayaan karut seperti yang pertama juga.

Persepsi Masa

Persepsi yang kita gelar masa. Sebenarnya, adalah satu metode perbandingan satu ketika dibandingkan dengan satu ketika yang lain. Kita dapat menjelaskannya dengan satu contoh. Sebagai contoh, apabila seseorang mengetuk satu objek, dia mendengar bunyi tertentu. Apabila dia mengetuk objek yang sama lima minit kemudian, dia mendengar bunyi yang lain. Orang tersebut menerima bahawa terdapat jarak di antara bunyi yang pertama dan bunyi yang kedua, dan dia menamakan ini jarak masa. Tetapi ketika dia mendengar bunyi yang kedua, bunyi pertama yang didengarnya adalah tidak lebih daripada sebuah imaginasi di dalam mindanya sahaja. Ia hanyalah satu bit maklumat di dalam memorinya. Orang tersebut merumuskan persepsi "masa" dengan membandingkan saat kini dan apa yang ada di dalam memorinya. Sekiranya perbandingan ini tidak dilakukan, tidak akan ada yang dipanggil persepsi masa.

Selalunya, seseorang itu akan membuat perbandingan apabila melihat seseorang memasuki sebuah bilik melalui pintu dan duduk di atas kerusi sandar di tengah bilik. Pada waktu orang ini duduk di atas kerusi, imej yang berhubung dengan saat ketika dia membuka pintu, berjalan ke dalam bilik, dan menuju ke arah kerusi tersebut, telah tersusun sebagai bit-bit maklumat di dalam otak. Persepsi masa berlaku apabila seseorang membandingkan lelaki yang duduk di atas kerusi dengan bit-bit maklumat yang dimilikinya.

Ringkasnya, masa wujud sebagai hasil daripada perbandingan yang dilakukan di antara beberapa ilusi yang tersimpan di dalam otak. Sekiranya seseorang itu tidak mempunyai memori, maka pemikirannya tidak akan dapat membuat tafsiran seperti itu dan dengan itu persepsi masa tidak mungkin terbentuk. Sebab mengapa seseorang itu merasakan dirinya berusia tiga puluh tahun adalah kerana dia telah mengumpulkan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan tiga puluh tahun ini. Sekiranya memorinya tidak wujud, maka dia tidak akan memikirkan tentang kewujudan satu jangka masa yang telah berlalu dan dia hanya akan mengalami suatu "ketika" yang sedang di diami kini.

Penjelasan Saintifik Ruang Kosong

Mari kita jelaskan subjek ini dengan mengambil kira penjelasan para saintis dan cendekiawan di dalam subjek ini. Dengan menganggap bahawa masa berundur ke belakang, Francois Jacob, seorang cendekiawan terkenal dan profesor kehormat Nobel di dalam ilmu genetik, telah mengeluarkan kenyataan berikut di dalam bukunya *Le Jeu Des Possibles* (The Possible and the Actual):

Filem yang dimainkan ke belakang, membolehkan kita membayangkan sebuah dunia yang masanya bertundur ke belakang. Sebuah dunia di mana susu memisahkan dirinya daripada kopi dan melompat keluar daripada cawan untuk mendapatkan kualiti susu; sebuah dunia di mana sinaran cahaya terpancar daripada dinding untuk dikutip di dalam sebuah perangkap (pusat graviti), sebagai ganti memancar keluar daripada sumber cahaya; sebuah dunia di

mana seketul batu terjun ke tapak tangan seorang lelaki dengan kerjasama mengejut daripada titisan-titisan air membolehkan batu tersebut lompat keluar daripada air. Tetapi, di dalam sebuah dunia yang masa mempunyai sifat-sifat terbalik, menyebabkan pemprosesan otak kita dan bagaimana memori mengumpul maklumat berfungsi secara songsang. Masa silam dan masa depan akan menjadi sama dan dunia akan muncul kepada kita seperti mana ia muncul kini.¹⁸

Memandangkan otak kita telah terbiasa dengan satu pusingan peristiwa tertentu, maka dunia ini tidak beroperasi sebagaimana yang dibayangkan di atas dan kita mendakwa masa berjalan ke hadapan. Tetapi, ini adalah sebuah keputusan yang dicapai di otak dan kerana itu ia adalah relatif sepenuhnya. Sebenarnya, kita tidak akan dapat mengetahui bagaimana masa berjalan atau sama ada ia bergerak atau tidak. Ini merupakan satu petunjuk bahawa masa bukan sebuah fakta mutlak tetapi hanya sejenis persepsi.

Relatif masa adalah satu fakta yang telah diakui oleh ahli fizik terpenting abad ke-20, Albert Einstein, Lincoln Barnett, menulis di dalam bukunya *The Universe and Dr Einstein*:

Seperti juga ruang mutlak, Einstein menolak konsep masa yang mutlak sebagai suatu yang kukuh, masa sejagat yang tidak dapat disekat bergerak, mengalir daripada masa silam yang luas kepada masa depan yang tidak terbatas. Kebanyakan kekaburan yang menyelubungi Teori Asas Relativiti berpunca daripada kelemahan manusia untuk menyedari bahawa deria masa, seperti juga deria warna, adalah sebuah bentuk persepsi. Seperti ruang yang merupakan aturan objek-objek material, maka masa pula adalah aturan peristiwa-peristiwa. Subjektiviti masa dapat dijelaskan dengan baik, melalui perkataan Einstein sendiri. "Pengalaman seorang individu", menurut Einstein, "muncul kepada kita di dalam satu siri peristiwa-peristiwa"; di dalam siri-siri ini, sebuah peristiwa yang kita ingati muncul di dalam keadaan tersusun berdasarkan kepada sifat "awal" dan "kemudian". Oleh itu, ia wujud untuk individu, satu masa-I, atau masa yang subjektif. Ini tidak dapat diukur di dalam dirinya sendiri. Saya boleh

menggabungkan nombor-nombor dengan peristiwa-peristiwa, di dalam satu cara yang melibatkan sejumlah nombor-nombor yang menggabungkan peristiwa yang terkemudian dengan peristiwa-peristiwa yang awal. 19

Einstein sendiri menyatakan, seperti yang dipetik daripada buku Barnett: Ruang dan masa adalah intuisi, yang tidak dapat dipisahkan daripada kesedaran seperti konsep kita terhadap warna, bentuk, atau saiz, Menurut Teori Asas Relatif: "Masa tidak mempunyai kewujudan tetap yang terpisah daripada aturan peristiwa oleh apa yang kita gelar ukuran". 20

Memandangkan masa mengandungi persepsi ia bergantung sepenuhnya ke atas penerima dan ia adalah relatif.

Kelajuan pergerakan masa disukat berdasarkan rujukan yang kita gunakan untuk mengukurnya kerana tidak terdapat jam semulajadi di dalam tubuh manusia untuk mengesan dengan tepat betapa cepatnya masa berlalu. Seperti yang dicatatkan oleh Lincoln Barnett: "Seperti mana warna tanpa mata untuk mengesannya, begitu juga sedetik atau sejam atau sehari tidak bererti tanpa sebuah peristiwa untuk menandainya". 21

Relativiti masa adalah pengalaman yang kita alami di dalam mimpi. Walau pun apa yang kita lihat di dalam mimpi kelihatan mengambil masa berjam-jam, tetapi sebenarnya, ia hanya berlangsung selama beberapa minit, dan mungkin juga hanya beberapa saat.

Mari kita fikirkan sebuah contoh untuk menerangkan subjek ini dengan lebih jelas. Mari kita anggap bahawa kita telah dimasukkan ke dalam sebuah bilik yang mempunyai hanya sebuah tingkap direka dengan begitu teliti dan kita ditempatkan di situ untuk beberapa lama. Biarkan sebuah jam di dalam bilik tersebut supaya kita dapat melihat jumlah masa yang telah berlalu. Pada masa yang sama, dibiarkan kita melihat melalui tingkap bilik matahari terbenam pada tempoh tertentu. Beberapa hari kemudian, jawapan yang akan kita berikan tentang berapa banyak masa yang telah diluangkan di dalam bilik tersebut akan berdasarkan kepada maklumat-maklumat yang telah kita himpun dengan melihat kepada jam dari masa ke semasa dan kepada pengiraan yang kita lakukan

dengan merujuk kepada berapa kali matahari terbenam dan terbit. Contohnya, kita anggar kita telah menghabiskan masa di dalam bilik tersebut selama tiga hari. Tetapi, sekiranya orang yang memasukkan kita ke dalam bilik tersebut datang kepada kita dan menyatakan bahawa kita telah meluangkan masa selama dua hari di dalam bilik tersebut dan bahawa matahari yang dapat dilihat melalui tingkap telah dihasilkan oleh sebuah mesin simulasi dan bahawa jam di dalam bilik tersebut telah diaturkan untuk bergerak pantas, oleh itu perkiraan yang kita lakukan tidak akan mempunyai erti.

Contoh ini membuktikan bahawa maklumat yang kita miliki tentang kadar berlalunya masa adalah berdasarkan kepada rujukan-rujukan relatif. Relativiti masa adalah sebuah fakta sains yang telah dibuktikan oleh metode sains. Teori asas Relativiti Einstein menegaskan bahawa kelajuan masa berubah berdasarkan kepada kelajuan sesuatu objek dan jaraknya daripada pusat graviti. Apabila kelajuan bertambah, masa akan menjadi singkat, mampat; menjadi perlahan seolah-olah ia berada pada tahap "berhenti".

Mari kita jelaskannya dengan sebuah misal yang dibuat oleh Einstein sendiri. Bayangkan dua orang kembar, seorang tinggal di bumi dan seorang lagi mengembara di angkasa lepas pada kelajuan yang hampir dengan kelajuan cahaya. Apabila dia kembali, si pengembara akan mendapati saudaranya telah membesar lebih tua daripadanya. Puncanya adalah kerana masa berjalan lebih perlahan kepada orang yang bergerak pada kelajuan yang hampir dengan kelajuan cahaya. Jika ibarat yang sama dilakukan kepada seorang ayah yang menjadi pengembara angkasa lepas dan anak lelakinya yang tinggal di bumi, sekiranya si ayah berusia 27 tahun ketika memulakan pengembaraan dan anak lelakinya berusia tiga tahun; maka, apabila dia kembali ke dunia 30 tahun kemudian (masa bumi), anak lelakinya akan berusia 33 tahun, tetapi ayahnya baru berusia 30 tahun.²²

Perlu ditegaskan di sini bahawa, relativiti masa ini tidak berlaku dengan memperlahankan jam atau mempercepatkannya atau memperlambatkan perjalanan mekanisme spring. Tetapi, ia adalah hasil daripada perbezaan operasi period seluruh sistem material

sehingga kepada zarah-zarah sub-atom. Dengan kata lain, kesingkatan masa tidak seperti pergerakan perlahan sebuah gambar bagi orang yang mengalaminya. Di dalam sebuah latar yang masa menjadi singkat, degupan jantung, pereplikaan sel, dan fungsi otak, dan semuanya bergerak lebih perlahan daripada pergerakan perlahan manusia di bumi. Seseorang akan meneruskan kehidupan sehariannya, tanpa sama sekali menyedari kesingkatan masa ini tidak akan nampak jelas sehingga perbandingan dilakukan.

Relativiti Di Dalam Al-Qur'an

Kesimpulan yang dapat kita ambil daripada penemuan-penemuan sains moden ialah bahawa masa bukannya sebuah fakta yang mutlak seperti yang dianggap oleh para materialis, tetapi hanya sebuah perspsi yang relatif. Perkara yang lebih menarik ialah fakta ini, yang tidak ditemui hanya pada kurun ke-21 oleh sains, telah pun dimaklumkan kepada manusia di dalam Al-Qur'an 14 kurun yang lalu. Terdapat beberapa rujukan di dalam Al-Qur'an berkaitan dengan relativiti masa.

Adalah tidak mustahil untuk melihat bukti-bukti saintifik bahawa masa adalah sebuah persepsi psikologi yang bergantung kepada peristiwa, latar, dan keadaan di dalam banyak ayat-ayat Al-Qur'an. Misalnya, hidup manusia ini adalah sementara seperti yang disebutkan oleh Al-Qur'an:

(Ingatlah akan) hari Ia menyeru kamu lalu kamu menyahut sambil memuji kekuasaan-Nya, dan kamu menyangka, bahawa kamu tinggal (dalam kubur) hanya sebentar. (surah Al-Isra:52)

Dan (Ingatlah) masa Tuhan himpulkan mereka (pada hari kiamat kelak), dengan keadaan mereka merasai seolah-olah mereka tidak tinggal di dunia melainkan sekadar satu saat sahaja dari siang hari. Mereka akan berkenal-kenalan sesama sendiri. Sesungguhnya rugilah orang-orang yang telah mendustakan hari menemui Allah untuk menerima alasan, dan yang tidak mendapat petunjuk (ke jalan mencari untung semasa hidup di dunia. (surah Yunus:45)

Di dalam beberapa ayat telah dijelaskan bahawa manusia menerima masa secara berbeza dan kadang kala manusia menerima satu jangka masa yang sangat pendek atau sangat panjang. Perbualan manusia berikut yang berlangsung ketika hari perhitungan di Akhirat merupakan sebuah contoh yang baik:

Allah bertanya lagi (kepada mereka yang kafir itu): "Berapa tahun lamanya kamu tinggal di bumi?" Mereka menjawab: kami tinggal (di dunia) selama sehari atau sebahagian dari sehari; maka bertanyalah kepada golongan (malaikat) yang menjaga urusan menghitung Allah berfirman: "Kamu tidak tinggal (di dunia) melainkan sedikit masa sahaja, kalau kamu dahulu mengetahui hal ini (tentulah kamu bersiap sedia). (surah Al-Mukmunun:112-114)

Di dalam ayat yang lain pula menjelaskan bahawa masa dapat berjalan pada jarak yang berbeza di dalam tempat-tempat yang berbeza:

Dan mereka meminta kepada kamu (wahai Muhammad) menyegerakan kedatangan azab, padahal Allah tidak sekali-kali akan memungkiri janji-Nya; dan (katakanlah kepada mereka): Sesungguhnya satu hari dari hari-hari azab di sisi Tuhanmu adalah menyamai seribu tahun dari yang kamu hitung. (surah Al-Hajj:47)

Yang dilalui oleh malaikat-malaikat dan jibril ke pusat pemerintahan-Nya (untuk menerima dan menyempurnakan tugas masing-masing terutama) pada satu masa yang adalah tempohnya (dirasai oleh orang-orang yang bersalah) sungguh panjang, (kerana banyak hitungan hisab dan berat soal jawabnya). (surah Maarij:4)

Semua ayat-ayat ini menerangkan ekspresi relativiti masa. Kenyataan bahawa natijah ini hanya dapat difahami oleh sains baru-baru ini di dalam abad ke-21, telah disampaikan kepada manusia 1400 tahun dahulu oleh Al-Qur'an, merupakan tanda bahawa Al-Qur'an telah diturunkan oleh Allah, Yang menguasai seluruh masa dan ruang.

Banyak kenyataan-kenyataan di dalam Al-Qur'an menunjukkan bahawa masa adalah sebuah persepsi. Ini merupakan bukti di dalam

cerita-cerita ini, sebagai contoh, Allah telah membiarkan Ashabul-Kahfi. Sekumpulan orang-orang yang beriman yang disebut di dalam Al-Qur'an, berada di dalam tidur yang lena selama lebih daripada tiga kurun. Apabila mereka terjaga, mereka merasakan bahawa mereka telah berada di negeri tersebut sekejap sahaja, dan tidak dapat mengagak berapa lama mereka telah tertidur;

Lalu Kami tidurkan mereka dengan nyenyaknya dalam gua itu, bertahun-tahun yang banyak bilangannya. Kemudian Kami bangkitkan mereka (dari tidurnya), untuk Kami menguji siapakah dari dua golongan di antara mereka yang lebih tepat kiraannya, tentang lamanya mereka hidup (dalam gua itu) (surah Al-Kahfi:11-12)

Dan demikianlah pula Kami bangkitkan mereka (dari tidurnya), supaya mereka bertanya-tanyaan sesama sendiri. Salah seorang di antaranya bertanya: "berapa lama kamu tidur?" (sebahagian dari) mereka menjawab : "kita telah tidur selama sehari atau sebahagian dari sehari". (sebahagian lagi dari) mereka berkata: "Tuhan kamu lebih mengetahui tentang lamanya kamu tidur; sekarang utuslah salah seorang dari kamu, membawa wang perak kamu ini ke Bandar; kemudian biarlah dia mencari dan memilih mana-mana jenis makanan yang lebih baik lagi halal, kemudian hendaklah ia membawa untuk kamu sedikit habuan daripadanya; dan hendaklah ia beramah-lembut dengan bersungguh-sungguh (semasa di Bandar); dan janganlah dia melakukan sesuatu yang menyebabkan sesiapa pun menyedari akan hal kau. (surah Al-Kahfi:19)

Situasi yang dijelaskan di dalam ayat di bawah juga membuktikan bahawa masa sebenarnya adalah sebuah persepsi psikologi:

Atau (tidakkah engkau pelik memikirkan wahai Muhammad) tentang orang yang melalui sebuah negeri telah runtuh segala bangunannya, orang itu berkata : "Bagaimana Allah akan menghidupkan (membina semula) negeri ini sesudah matinya (rosak binasanya)? "lalu ia dimatikan oleh Allah (dan dibiarkan tidak berubah) selama seratus tahun, kemudian Allah hidupkan dia semula lalu bertanya kepadanya: "berapa lama engkau tinggal (di sini ? "Ia

menjawab: "Aku telah tinggal (di sini) sehari atau setengah hari". Allah berfirman: "(tidak benar), bahkan engkau telah tinggal (berkeadaan demikian) selama seratus tahun. Oleh itu, perhatikanlah kepada makanan dan minumanmu, masih tidak berubah keadaannya, dan perhatikanlah pula kepada keldaimu (hanya tinggal tulang-tulangnya bersepah), dan Kami (lakukan ini ialah untuk) menjadikan engkau sebagai tanda (kekuasaan Kami) bagi umat manusia; dan lihatlah kepada tulang-tulang (keldai) itu, bagaimana Kami menyusunnya kembali kemudian kami menyalutnya dengan daging". Maka apabila telah jelas kepadanya (apa yang berlaku itu), berkatalah dia: sekarang aku mengetahuinya (dengan yakin), sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu".(surah Al-Baqarah:259)

Ayat di atas menerangkan dengan jelas bahawa Allah yang telah menjadikan masa dan juga berkuasa ke atasnya. Sebaliknya, manusia dikuasai oleh masa yang Allah memerintahnya. Seperti yang disebutkan di dalam ayat tersebut, manusia tidak berupaya untuk mengetahui berapa lama dia tidur. Dalam keadaan ini, untuk mendakwa bahawa masa adalah mutlak (seperti yang para materialis lakukan di dalam mentaliti mereka yang lemah), adalah sesuatu yang tidak masuk akal.

Takdir

Relativiti masa telah menjelaskan sebuah perkara yang amat penting. Relativiti masa boleh berubah sehingga satu period masa yang kelihatan berbilion tahun tempohnya kepada kita, mungkin hanya tinggal sesaat sahaja di dalam dimensi lain. Taambahan pula, satu jangka masa yang besar berkembang daripada permulaan dunia sehingga penamatnya, mungkin tidak tinggal walau sesaat melainkan hanya sedetik di dalam dimensi lain.

Ini adalah intipati sebenar konsep takdir- sebuah kosep yang tidak dapat difahami dengan baik oleh ramai orang, terutamanya para materialis yang menafikannya. Takdir ialah pengetahuan sempurna Allah terhadap semua kejadian-kejadian silam atau masa hadapan. Sebahagian manusia mempersoalkan bagaimana Allah dapat

mengetahui peristiwa-peristiwa yang belum berlaku dan ini menyebabkan mereka gagal untuk memahami kebenaran takdir ini. Bagaimanapun, "peristiwa-peristiwa yang belum berlaku" belum berlaku kepada kita. Allah tidak tertakluk kepada masa atau ruang kerana Dia sendiri yang menjadikannya. Kerana itu, masa silam, masa hadapan dan masa kini tidak ada bezanya kepada Allah; baginya segalanya telah berlaku dan telah tamat.

Lincoln Barnett menjelaskan bagaimana Teori Asas Relatif memandu kita kepada hakikat di dalam buku *The Universe and Dr Einstein*: menurut Barnett, cakerawala ini dapat "dikuasai seluruh kehebatannya oleh satu kebijaksanaan kosmik" 23 Apa yang disebutkan oleh Barnett sebagai "kebijaksanaan kosmik" adalah kebijaksanaan dan ilmu Allah, yang menguasai seluruh alam. Sebagai mana kita dapat melihat dengan mudah seorang pemerintah yang awal, pertengahan dan yang terakhir, dan segala unit yang di antaranya, semuanya, Allah mengetahui waktu kita hidup seperti satu detik daripada permulaannya hingga ke akhirnya. Manusia hanya mengalami kemalangan apabila masanya sampai dan mereka menyaksikan takdir yang telah Allah jadikan untuk mereka.

Perlu juga diberi perhatian terhadap pemahaman dangkal dan terpesong terhadap takdir yang berlaku di dalam masyarakat. Fahaman salah terhadap takdir ini berpegang kepada kepercayaan bahawa Allah telah menyiapkan "takdir" kepada setiap orang tetapi kadang-kadang takdir-takdir ini boleh diubah oleh mereka. Contohnya, apabila seseorang pesakit hidup semula masyarakat akan beranggapan bahawa "dia telah menewaskan takdirnya". Tetapi, sebenarnya tidak ada orang yang dapat mengubah takdirnya. Pesakit yang hidup semula itu sebenarnya tidak mati kerana dia ditakdirkan untuk tidak mati. Demikian juga takdir mereka yang menipu diri mereka dengan menyatakan "saya telah menewaskan takdir saya", dia juga telah ditakdirkan untuk berkata demikian dan mempertahankan pemikiran tersebut.

Takdir adalah pengetahuan Allah yang agung dan hanya kepada Allah, yang mengetahui masa seperti satu detik dan yang menguasai

seluruh masa dan ruang, segalanya telah ditetapkan dan diakhiri pada satu takdir. Kita juga dapat memahami daripada apa yang disebutkan di dalam Al-Qur'an bahawa masa adalah kepunyaan Allah: beberapa kemalangan yang akan berlaku kepada kita di masa hadapan telah disebutkan di dalam Al-Qur'an di dalam satu cara seolah-olah ia telah berlaku sebelum ini. Contohnya, ayat yang menggarap bagaimana laporan yang akan manusia berikan kepada Allah di hari akhirat telah dijelaskan seolah-olah ia sebuah peristiwa yang telah pun berlaku:

Dan sudah tentu akan ditiup sangkakala, maka pada waktu itu matilah makhluk-makhluk yang ada di langit dan yang ada di bumi, kecuali sesiapa yang dikehendaki Allah (terkemudian matinya); kemudian ditiup sangkakala sekali, maka dengan serta merta mereka bangun berdiri menunggu (kesudahan masing-masing). Dan akan bersinar terang-benderanglah bumi (hari akhirat) dengan cahaya Tuhannya; dan akan diberikan Kitab suratan amal (untuk dibicarakan); dan akan dibawa Nabi-nabi serta saksi-saksi; dan akan dihakimi di antara mereka dengan adil, sedang mereka tidak dikurangkan balasannya sedikit pun.(surah Az-Zumar:68-69)

Dan orang-orang kafir akan dihalau ke neraka Jahanam dengan berpasukan-pasukan,..(surah Az-Zmar:71)

Dan orang-orang yang bertaqwa kepada Tuhan mereka akan dibawa ke syurga dengan berpasukan-pasukan .(surah Az-Zumar:73)

Ayat-ayat lain yang membincangkan subjek ini:

Dan (setelah itu) datanglah tipa-tiap orang (ke padang mahsyar), disertai (dua malaikat: yang satu menjadi) pembawa, dan (yang satu lagi menjadi) saksi. (surah Al-Qaf:21)

Dan terbelahlah langit, lalu menjadilah ia pada saat itu reput (dan runtuh) (surah Al-Haaqah:16)

Dan kerana kesabaran mereka (mengerjakan suruhan Allah dan meninggalkan larangannya), mereka dibalas oleh Allah dengan Syurga dan (persalinan dari) sutera. Mereka berehat di dalam Syurga dengan berbaring di atas pelamin-pelamin (yang berhias), mereka tidak nampak di situ adanya matahari (usahakan hawa panasnya), dan tidak juga merasai suasana yang terlampau sejuk. (surah Al-Insan:12-13)

Dan mereka diperlihatkan kepada sesiapa sahaja yang dapat melihatnya. (surah An-Nazi'at:36)

Maka pada hari itu, orang-orang yang beriman pula tertawakan orang yang kafir itu. (surah Mutaffi'in:34)

Dan orang-orang yang berdosa itu tetap akan melihat neraka, maka yakinlah mereka, bahawa mereka akan jatuh ke dalamnya dan mereka tidak akan mendapati sebarang jalan untuk mengelakkan diri daripadanya. (surah Al-Kahfi:53)

Seperti yang dapat dilihat, peristiwa-peristiwa yang akan berlaku selepas kematian kita (mengikut kaca mata kita) telah dijelaskan seolah-olah ia telah pun berlaku dan telah berlalu di dalam Al-Qur'an. Allah tidak tertakluk oleh lingkungan masa yang relatif yang kita dikhususkan di dalamnya. Allah telah menjadikan semuanya di dalam keadaan masa sifar: manusia telah melakukannya dan semua peristiwa telah berjalan dan telah pun tamat. Telah dinyatakan di dalam ayat di bawah bahawa setiap peristiwa, sama ada yang besar atau yang kecil berada di dalam pengetahuan Allah dan telah dirakamkan di dalam sebuah kitab:

Dan tidaklah engkau (wahai Muhammad) dalam menjalankan sesuatu urusan, dan tidaklah engkau dalam membaca sesuatu surah atau sesuatu ayat dari Al-Qur'an dan tidaklah kamu (wahai umat manusia) dalam mengerjakan sesuatu amal usaha, melainkan adalah Kami menjadi saksi terhadap kamu, ketika kamu mengerjakannya. Dan tidak akan lenyap dari

pengetahuan Tuhanmu sesuatu dari sehalus-halus atau seringan-ringan yang ada di bumi atau di langit, dan tidak ada yang lebih kecil dari itu dan tidak ada yang lebih besar, melainkan semuanya tertulis di dalam kitab yang terang nyata. (surah Yunus:61)

Kebimbangan Materialis

Isu-isu yang telah dibincangkan di dalam bab ini, terutamanya landasan sebenar kebendaan, masa sifar, dan ruang kosong, adalah amat jelas. Seperti yang telah disebutkan sebelum ini, ia bukan sebuah falsafah atau sebuah pemikiran, tetapi adalah sebuah kebenaran yang tidak dapat dinafikan lagi. Di samping ia juga adalah sebuah kenyataan yang teknikal, bukti-bukti rasional dan logik juga tidak memberikan alternatif lain ke atas isu ini: cakerawala ini adalah sebuah ilusi keseluruhannya bersama semua benda yang di dalamnya dan manusia yang tinggal di dalamnya. Ia adalah sebuah himpunan persepsi-persepsi.

Para materialis merasa amat sukar untuk memahami isu ini. Sebagai contoh, sekiranya kita berbalik kepada contoh bas Politzer: walau pun Politzer secara teknikalnya mengetahui bahawa dia tidak dapat melangkah keluar daripada persepsinya, tetapi dia hanya mengakuinya di dalam beberapa keadaan. Iaitu, bagi Politzer, peristiwa-peristiwa hanya berlaku di dalam otak sehinggakan pelanggaran bas, tetapi apabila pelanggaran ini berlaku, segalanya akan keluar daripada otak dan menjadi sebuah realiti fizikal. Kecacatan logikal pada peringkat ini amat jelas. Politzer telah melakukan kesilapan yang sama telah dilakukan oleh golongan materialis lain seperti seorang falsafah materialis Johnson yang menyatakan "saya menyepak batu, kaki saya sakit, oleh itu ia wujud" dan dia tidak dapat memahami bahawa kejutan yang dialami selepas impak bas tersebut juga adalah sebuah persepsi.

Sebab sebenar mengapa materialis tidak dapat memahami subjek ini adalah kerana ketakutan mereka terhadap fakta yang akan mereka temui jika mereka memahaminya. Lincoln Barnett menyatakan bahawa subjek ini telah labelkan sebagai "tidak boleh dikaji" oleh sebahagian saintis:

Bersama dengan reduksi ahli-ahli falsafah bahawa semua realiti objek adalah sebuah bayangan -dunia persepsi, saintis telah menyedari keterbatasan deria-deria manusia.²⁴

Sebarang rujukan yang dilakukan terhadap kenyataan bahawa kebendaan dan masa adalah sebuah persepsi akan menambahkan ketakutan kepada seorang materialis, kerana ia adalah satu-satunya kepercayaan yang diyakininya sebagai kewujudan yang mutlak. Dia sebenarnya telah mengambilnya sebagai idola untuk disembah, kerana dia menyangka dia telah diciptakan oleh kebendaan dan masa (melalui evolusi).

Apabila dia merasakan bahawa alam yang disangka dia tinggal di dalamnya, dunia ini, tubuhnya sendiri, orang lain, para ahli falsafah lain yang dia terpengaruh dengan idea-idea mereka, dan ringkasnya, segalanya, adalah sebuah persepsi, dia merasa telah dikalahkan oleh kengerian semua ini. Segala yang dia bergantung padanya, mempercayai, dan mencari jalan keluar kepadanya, akan musnah secara tiba-tiba. Dia merasakan putus asa seperti mana yang akan di alaminya di Hari perhitungan di dalam keadaan yang sebenar seperti yang telah disebutkan di dalam ayat:

Dan pada hari itu mereka semua menyerah diri bulat-bulat kepada Allah, dan hilang lenyaplah dari mereka (yang musyrik itu) apa yang telah mereka ada-adakan (sebagai sekutu-sekutu Allah). (surah An-Nahl:87)

Oleh itu, materialis ini cuba meyakinkan dirinya sendiri pada realiti kebendaan, dan mereka-reka "bukti" seperti; melagakan penumbuknya ke dinding, menendang batu, menjerit, berteriak, tetapi mereka tidak akan dapat melarikan diri daripada realiti.

Seperti mana mereka cuba menyingkirkan realiti ini daripada minda mereka, mereka juga mahu orang lain untuk membuangkannya. Mereka juga menyedari sekiranya hakikat semula jadi kebendaan diketahui umum secara keseluruhannya, keprimitifan falsafah mereka dan penipuan mereka kepada dunia akan didedahkan, dan tidak akan ada lagi landasan yang tinggal yang membolehkan mereka merasionalkan pandangan mereka. Ketakutan ini merupakan sebab utama mengapa mereka merasa amat terganggu dengan fakta-fakta yang disampaikan di sini.

Allah menyatakan bahawa ketakutan orang-orang kafir ini akan dilihat di hari akhirat kelak. Di hari perhitungan, mereka akan disapa seperti berikut:

Dan (ingatlah), hari (kiamat yang padanya) Kami himpunkan mereka semua, kemudian Kami berfirman kepada orang-orang musyrik: "manakah orang-orang dan benda-benda yang dahulu kamu sifatkan (menjadi sekutu Allah)?" . (surah Al-Anaam:22)

Kemudian, orang-orang kafir akan menyaksikan kedudukan mereka, anak-anak dan golongan-golongan yang rapat dengan mereka yang mereka anggap sebagai benar dan menganggapnya sebagai saingan kepada Allah, meninggalkan mereka dan musnah. Allah mengkhabarkan berita ini di dalam ayat:

Lihatlah bagaimana mereka berdusta terhadap diri mereka sendiri, dan bagaimana hilang lenyapnya dari mereka apa yang telah mereka ada-adakan (sebagai sekutu Allah) itu. (surah Al-Anaam:24)

Keuntungan Orang-Orang Beriman

Sementara kenyataan bahawa kebendaan dan masa adalah sebuah persepsi telah mencemaskan materialis, perkara yang sebaliknya

pula berlaku kepada orang-orang yang beriman. Orang-orang beriman merasa gembira apabila mengetahui rahsia di sebalik kebendaan ini. Realiti ini adalah kunci kepada semua persoalan. Dengan kunci ini, semua rahsia

akan terbuka, seseorang akan dapat memahami isu-isu yang sukar difahaminya sebelum ini.

Seperti yang disebutkan sebelum ini, persoalan kematian, syurga, neraka, hari akhirat, perubahan dimensi, dan persoalan-persoalan penting seperti, "di mana Allah?", "apakah benda sebelum Allah?", "siapa yang menjadikan Allah?", "berapa lamakah kehidupan di alam barzakh berlangsung?", "Di manakah syurga dan neraka?", dan "di manakah syurga dan neraka berada kini?", semuanya akan dapat dijawab dengan mudah. Akan dapat difahami dengan sistem apakah yang Allah gunakan untuk menjadikan seluruh alam daripada tiada. bahkan, dengan rahsia ini, persoalan "bila", dan "di mana" tidak akan mempunyai sebarang erti lagi kerana tidak akan ada masa dan ruang yang tinggal. Apabila ruang kosong difahami, maka akan dapat difahami bahawa neraka, syurga, dan bumi sebenarnya berada pada tempat yang sama. Sekiranya masa sifar difahami, maka akan dapat difahami bahawa segalanya berlaku pada waktu yang sama; tidak ada apa yang dinantikan dan masa tidak bergerak, kerana segalanya telah sedia berlaku dan berakhir.

Apabila rahsia ini dikaji, dunia ini akan menjadi syurga kepada orang yang beriman. Segala perkara yang mendukakan seperti kebimbangan, kerisauan, dan ketakutan akan musnah. Seseorang akan menyedari bahawa hanya ada seorang Pemerintah, Dia yang mengubah seluruh dunia fizikal seperti yang dikehendaki-Nya dan apa yang perlu dilakukan oleh manusia ialah berpaling kepada-Nya, dan menyerahkan seluruh dirinya kepada Allah.

(ingatlah) ketika isteri Imran berkata "Tuhanku! Sesungguhnya aku nazarkan kepadaMu anak yang ada dalam kandunganku sebagai seorang yang bebas (dari segala urusan dunia untuk berkhidmat kepada-Mu semata-mata), maka terimalah

nazarku; sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui." (Ali-Imran:35)

Memahami rahsia ini merupakan keuntungan yang paling hebat di dunia

Dengan rahsia ini, satu lagi realiti yang disebutkan di dalam Al-Qur'an akan ditemui: kenyataan bahawa "Kami lebih dekat kepadanya daripada urat lehernya", (surahQaaf:16). Seperti yang diketahui, urat leher berada di dalam badan. Apakah lagi yang lebih rapat kepada seseorang daripada dalamannya sendiri? Situasi ini dapat dijelaskan oleh hakikat ruang kosong. Ayat ini akan lebih difahami dengan memahami rahsia ini.

Ini adalah kebenaran. Sepatutnya ia telah membuktikan dengan jelas bahawa tidak ada penolong dan pemberi rezeki yang lain selain daripada Allah. Tidak ada yang lain selain Allah; Dialah satu-satunya Kewujudan mutlak (wahdatul wujud) yang menjadi tempat berserah diri, memohon pertolongan, dan berharap untuk dikurnai.

***Mereka berkata: "Maha suci Engkau, tidak ada yang kami ketahui selian dari apa yang telah Engkau ajarkan kepada kami: Sesungguhnya Engkaulah yang Maha Tahu lagi Maha Bijaksana.
Surah Al-Baqarah: 32***

Nota Kaki

18 François Jacob, Le Jeu des Possibles, University of Washington Press, 1982, p.111

19 Lincoln Barnett, The Universe and Dr.Einstein, William Sloane Associate, New York, 1948, pp. 52-53

20 Lincoln Barnett, The Universe and Dr.Einstein, William Sloane Associate, New York, 1948, p.17

21 Lincoln Barnett, *The Universe and Dr.Einstein*, William Sloane Associate, New York, 1948, p.58.

22 Paul Strathern, *The Big Idea: Einstein and Relativity*, Arrow Books, 1997, p. 57

23 Lincoln Barnett, *The Universe and Dr.Einstein*, William Sloane Associate, New York, 1948, p.84

24 Lincoln Barnett, *The Universe and Dr.Einstein*, William Sloane Associate, New York, 1948, pp.17-18